



The Chamber

Vol1/2020

Dari Meja Dewan:

Cabaran Pandemik

COVID19 telah memberi impak yang tak dapat dijangkakan. PKP yang dikuatkuasakan untuk membendung penyebaran wabak COVID19 telah menjejaskan ekosistem perniagaan dan aliran tunai yang diperlukan oleh usahawan-usahwan untuk terus beroperasi. Ada dikalangan usahawan kita yang terpaksa membuat keputusan yang cukup pahit iaitu untuk menghentikan operasi. Ini secara langsung memberi *knock-on effect* kepada pengangguran yang semakin hari semakin bertambah jumlahnya. Kami sentiasa mendengar dan menyampaikan keluhan usahawan kita dalam usaha membantu usahawan kita menangani cabaran ini

Belanjawan 2021

Belanjawan yang dibentangkan tempoh hari disambut baik oleh semua. Akan tetapi masih terdapat ruang dimana terdapat beberapa industri dan segment yang boleh ditambah baik. Dalam usaha kami untuk memberi maklum balas kepada pihak Kementerian, kami terbuka menerima cadangan-cadangan daripada usahawan-usahawan kita dalam mengenal pasti dimana penambahbaikan itu wajar diberi fokus. Ahli dan usahawan yang ingin memberi cadangan, boleh menghubungi kami melalui emel dan pihak sekretariat kami akan respond untuk tindakan selanjutnya.



WEBINAR : MAINTAINING BUSINESS RELEVANCE DURING THE PANDEMIC

Menghadapi COVID19, bisnis perlu bekerja sama dengan kerajaan untuk mengarah ke norma baru. Webinar ini akan membahas bagaimana kerajaan Hong Kong membantu bisnis menangani pandemik dan menjelajahi area kerjasama antara Malaysia dan Hong Kong.

<https://youtu.be/8UhqA2R4PCg>

FREQUENSI: BANGI FM 93.9 Lembah Klang | FM 107.5 JB | FM 101.9 Kuching | FM 107.9 KK

BERMAHA RADIO

KELANGSUNGAN PERNIAGAAN MENDEPANI CABARAN PANDEMIK

JENDELA FIKIR
Khamis | 5 Nov 2020 | 8:30 pagi

Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMMKL)

Ahmad Hussein Tajuddin
Pemangku YDP

Rizal Abd Rahman
Setiausaha Kehormat

@bernamaradio @bernamaradioofficial

JENDELA FIKIR : KELANGSUNGAN PERNIAGAAN MENGHADAPI CABARAN PANDEMIK

Jendela Fikir membincangkan cabaran yang dihadapi oleh perniagaan dalam menangani cabaran COVID19 dan impak kepada ekosistem perniagaan.

FI LESEN PERCUMA!

15 NOVEMBER - 15 APRIL 2021

INISIATIF WILAYAH BEBAS BERNIAGA
GARIS PANDUAN LESEN SEMENTARA KL PRIHATIN

SYARAT - SYARAT & KAEDAH PERMOHONAN

1 Warganegara Malaysia

2 Berusia 18 tahun ke atas

3 AMALKAN NORMA BAHARU
Mohon secara **DALAM TALIAN** atau muat turun borang di:
<https://elesen.dbkl.gov.my>

4 Sertakan dokumen sokongan:
• Salinan kad pengenalan
• Pelan lokasi
• 1 gambar lokasi
• Surat kebenaran pemilik tanah / bangunan / kompleks jika berkaitan

5 Bagi permohonan secara manual, hantar borang yang lengkap diisi bersama dokumen sokongan kepada:

6 PERMOHONAN DIBUKA MULAI 15 NOVEMBER 2020 HINGGA 31 MAC 2021
Bagi permohonan yang diluluskan, pemohon boleh cetak lesen sendiri atau ambil di Kaunter Pejabat Cawangan / Pejabat Zon Perumahan

(i) Lokasi Awam / Persendirian: Hantar ke pejabat cawangan DBKL mengikut parlimen.

(ii) Lokasi di PPR dan PA yang Diselia oleh DBKL: Hantar ke pejabat zon perumahan yang berdekatan.

LOKASI / TAPAK YANG DIBENARKAN : **TIDAK**

LESEN SEMENTARA KL PRIHATIN!

Menteri Wilayah telah mengumumkan Wilayah Persekutuan sebagai kawasan bebas untuk menjalankan perniagaan. Untuk mengambil peluang ini, peniaga perlu mendaftar terlebih dahulu dengan DBKL.

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN ANAK MUDA KOTA

Menyediakan ruang perniagaan (kios) **1,122** usahawan anak muda kota di Wilayah Persekutuan KL & Putrajaya dengan **reka bentuk** yang moden, teratur, kemas & bersih

LOKASI PERNIAGAAN
169

JENIS PERNIAGAAN

- Makanan & Minuman (F&B)
- Cenderamata & Kraftangan
- Pusat Gajet & Teknologi Maklumat
- Fesyen & Perhiasan
- Produk Kosmetik, Kecantikan, Pewangi & Penjagaan Kulit

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN ANAK MUDA KOTA WILAYAH PERSEKUTUAN

Inisiatif ini merupakan program penggalakan usahawan muda kota yang dirangka bersama DBKL, Perbadanan Putrajaya, Yayasan Wilayah Persekutuan dan Jabatan Kerajaan lain yang berkaitan dengan pembangunan usahawan. Kerajaan berharap inisiatif ini dapat membantu seramai lebih kurang 1,000 orang anak muda yang kehilangan mata pencarian kerana kehilangan pekerjaan ekoran ketidakstabilan ekonomi global lantaran pandemik wabak COVID-19



UCAPAN BELANJAWAN 2021

*Teks ucapan Belanjawan 2021 oleh
**YB Senator Tengku Dato' Sri Zafrul
Tengku Abdul Aziz**
Menteri Kewangan*



PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN ANAK MUDA KOTA WILAYAH PERSEKUTUAN

PKPB bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Perlis, Pahang & Kelantan telah dilanjutkan sehingga 6 Disember 2020. Dapatkan maklumat dan SOP terkini berkaitan PKPB di laman KKM. Klik gambar untuk pautan ke laman web Kementerian Kesihatan Malaysia.



I-SINAR MEMBOLEHKAN AHLI TERKESAN MENGAKSES AKUAN 1

KWSP mengumumkan perincian dan kelayakan akses ke akaun 1 bagi kemudahan i-Sinar. Ahli yang layak boleh membuat permohonan bermula Disember 2020. Sila rujuk laman KWSP untuk maklumat lanjut.



SSM BIZTRUST

SSM BizTrust adalah satu piawaian yang boleh diperolehi oleh entiti perniagaan secara atas talian melalui perakuan yang dikeluarkan oleh SSM bahawa entiti tersebut telah mematuhi ciri-ciri amanah yang telah ditetapkan, keselamatan dalam talian dan perlindungan maklumat. SSM BizTrust menyediakan platform kepada para peniaga yang menjalankan urusan secara atas talian bagi mendapatkan pensijilan biztrust melalui logo (seal) yang akan dipaparkan oleh perniagaan tersebut.



PROGRAM E-BIZCLINIC INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA (INSKEN)

Institut Keusahawan Negara (INSKEN) membuka semula peluang kepada usahawan yang ingin mendapatkan konsultasi dari BizKaunselor dari INSKEN. Daftar sekarang untuk sesi konsultasi secara percuma.

